

**TEKS UCAPAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MAJLIS PERASMIAN PROJEK CSR BULATAN BUKIT TENGAH
1 OKTOBER 2015 (KHAMIS), JAM 7:50 MALAM
BULATAN BUKIT TENGAH, BUKIT MERTAJAM**

.....
Yang Amat Berhormat Tuan Lim Guan Eng
Ketua Menteri Pulau Pinang

**Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli MMK Kerajaan Negeri Pulau
Pinang**

Yang Berhormat-Yang Berhormat ADUN

Yang Berhormat-Yang Berhormat Ahli Parlimen

Yang Dihormati Ahli Majlis-Ahli Majlis
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali bin Hj Mohamud
Setiausaha Perbandaran MPSP

Yang Berusaha Encik Tan Kok Cheang
Senior General Manager DNP Land

Ketua Jabatan dan Pegawai MPSP

Rakan-rakan Media

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

.....
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat-Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan kerana sudi hadir ke Majlis Perasmian Projek CSR Bulatan Bukit Tengah pada malam ini. Ucapan terima kasih juga kepada DNP Land kerana kesudian untuk mengindahkan bulatan Bukit Tengah ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Konsep rekabentuk untuk Bulatan Bukit Tengah ini adalah berkonsepkan Perpaduan (*Seeds of Joy*). Projek 4P's (*Public, Private, People Partnership*) dan CSR ini bernilai RM 800,000.00. Projek pengindahan ini telah bermula pada 16 Julai 2014 dan siap pada 30 September 2014.

Projek 4P's dan CSR Landskap telah mula dijalankan sejak Jun 2011. Program CSR (*Corporate Social Responsibility*) adalah satu mekanisme 4P's (*Public, Private, People Partnership*) MPSP untuk merapatkan lagi perhubungan diantara orang ramai dan MPSP. Dengan adanya Program 4P's dan CSR ini, MPSP dan orang ramai boleh berganding bahu untuk menjaga dan menambah baik alam sekitar. Mekanisma CSR dan 4 P's ini telah banyak membantu MPSP dalam menambah baik perkhidmatan dengan adanya penglibatan bersama orang ramai dan membantu dalam

kewangan MPSP. CSR dan 4 P's ini boleh dijalankan dalam bentuk projek dan kegiatan aktiviti. CSR dan 4 P's ini juga boleh dijalankan oleh individu, syarikat, persatuan, pemaju, industri, sekolah dan lain-lain.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sebagai makluman, sejak Jun 2011 sebanyak 19 projek CSR telah siap dilaksanakan dan 2 projek sedang dilaksanakan. Projek-projek tersebut adalah:

Senarai Projek Yang Telah Siap

1. Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, SPU
2. Hadapan Kilang Professional Tools & Dies Sdn Bhd.
3. Anjung Bagan, Butterworth, SPU
4. Vision Park, Bertam, SPU
5. Kawasan lapang Taman Terbilang, SPU.
6. Bulatan Bandar Perda, SPT
7. Taman L inear, SPT
 - Taman Tunku, Seberang Jaya (Kerja Naiktaraf)
8. Jalan Baru Perai, SPT (berhadapan Pearl View Hotel)
9. Bulatan di Bandar Sunway, Seberang Jaya, SPT
10. Hadapan Kilang Teleplan Technology Services Sdn. Bhd.
11. Kawasan Lapang Taman Alma Indah, SPT

12. Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O., Bukit Mertajam, SPT
13. Autocity, Juru, SPT
14. Tanah Lapang Taman Bayu Mutiara, SPT
15. Taman Linear, SPT
 - Taman Tunku, Seberang Jaya (kerja penyelenggaraan)
16. Jalan Perindustrian Bukit Minyak 5, SPT - Pengindahan di rezab jalan
17. Penanaman pokok dan meletakkan bangku batu di Taman Rekreasi PBAPP Bukit D.O (Tahun 2015)
18. Jalan Permai Kampung Sanglang, SPS
19. Kawasan lapang Taman Seri Bayu, SPS

Senarai Lokasi Ada Penaja Dan Sedang Dilaksanakan

1. Sepanjang rezab jalan Tingkat Laksamana, Taman Telok Molek, Teluk Air Tawar.
2. Bulatan Tenggara, Seberang Jaya, SPT

Projek 4P's dan CSR ini dapat membantu MPSP dalam mengindahkan dan menghijaukan kawasan MPSP selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu *Cleaner, Greener, Safer & Healthier Penang*.

Dalam kawasan pentadbiran MPSP masih terdapat banyak lagi kawasan lapang yang perlu diperindahkan lagi. Pinggir jalan juga haruslah ditanam

dengan pokok bunga dan diselenggara dengan baik dan menarik demi menjadikan Seberang Perai bersih, hijau dan indah. MPSP sentiasa membuka peluang kepada setiap agensi yang berminat untuk mengambil kawasan-kawasan lapang sebagai anak angkat kepada projek CSR. Sehingga kini, masih terdapat 32 lokasi yang belum ditaja iaitu:

- Pintu Masuk Bumbung Lima
- Pintu Masuk Kg. Selamat
- Pintu Masuk Ara Kuda
- Jalan Bagan Luar
- Taman Robina, Telok Air Tawar
- Pantai Kamloon
- Taman Rekreasi Padang Cempedak
- Bulatan Bandar Putra Bertam, Bertam
- Bulatan Perusahaan Perai
- Bulatan Seberang Jaya, Seberang Jaya
- Bulatan Bukit Minyak A
- Pintu Masuk Machang Bubuk
- Jalan Baru Perai
- Taman Bandar Ampang Jajar
- Taman Semilang, Seberang Jaya
- Taman Rimba Cherok To' Kun
- Empangan Tasek Mengkuang

- Kolam Teratai, Taman Desa Damai
- Jalan Baru Perai (*Retaining Wall* berhadapan Megamall)
- Bulatan Bukit Minyak B, SPT
- Pintu masuk Permatang Keling
- Pintu masuk Taman Sempadan
- Pintu masuk Sg. Hilir Kecil / Jln. Kg Besar
- Pintu masuk Jalan Relau
- Pintu masuk Jalan Tasek / Junjung
- Taman Rekreasi Ampang Jajar, Krian
- Taman Rekreasi Sungai Sanglang
- Rezab jalan bermula dari pintu utama USM sehingga ke Ampang Jajar Kerian
- Pekan Nibong Tebal
- Tanah Lapang, Taman Bukit Panchor
- Pembahagi Tengah Jalan Utama Butterworth – Ipoh (Berhadapan Balai Polis Nibong Tebal)
- Tanah lapang (Taman Kejiranan Valdor, Jawi)

Dari tahun 2011 hingga Ogos 2015, MPSP telah menanam pokok sebanyak 5741 batang. Manakala pihak pemaju pula telah menanam pokok sebanyak 28,234 batang.

Mengambil kesempatan yang ada pada hari ini, saya ingin menyeru kepada syarikat-syarikat swasta / korporat boleh mengikut jejak langkah murni DNP Land dengan membuat tajaan mengindahkan kawasan-kawasan lapang ataupun lokasi-lokasi yang lain.

Akhir kata, saya bagi pihak MPSP mengucapkan ribuan terima kasih kepada DNP Land dan semua pihak yang bersama-sama menjayakan program CSR dan membantu MPSP untuk menjadikan Seberang Perai bersih, indah dan selesa didiami. Marilah kita bersama-sama menjadi masyarakat yang sangat prihatin terhadap kepentingan memelihara dan memulihara alam sekitar.

Sekian, Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.